



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

KENYATAAN MEDIA

BEKALAN AYAM BELANDA SEMPENA MUSIM PERAYAAN

PUTRAJAYA, 8 Oktober 2024 - Merujuk kepada persoalan yang ditimbulkan oleh The Star dalam akhbar berkenaan bertajuk ***Turkey shortage ruffles feathers*** bertarikh 4 Oktober 2024, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ingin memberi maklum balas berhubung perkara tersebut.

1. Pengeluaran ayam belanda tempatan adalah sebanyak 10,010 ekor pada tahun 2023 melalui 145 penternak dari ladang-ladang ternakan di seluruh negara. Jumlah ini dapat menghasilkan sebanyak 50,050 kg daging ayam belanda.
2. Negeri pengeluar utama ayam belanda adalah Pulau Pinang, Johor, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.
3. Pada masa kini tiada wabak penyakit ayam belanda yang berlaku dan bekalan tempatan dijangka stabil.
4. Bagi memastikan bekalan ayam belanda sentiasa ada di pasaran, ia ditampung dengan mengimport dari negara luar untuk memenuhi keperluan dalam negara khususnya di musim perayaan Krismas.
5. Di antara langkah yang telah diambil oleh DVS ialah memeriksa dan meluluskan loji penyembelihan halal ayam belanda di luar negara bersama pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pada masa ini, Turkiye merupakan negara sumber yang telah diluluskan bagi pengimportan ayam belanda ke Malaysia dan tempoh kelulusan adalah sehingga tahun 2027.

6. Selain Turkiye, negara sumber yang berpotensi adalah Rusia dan Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, kedua-dua negara berkenaan sedang dalam proses penilaian risiko bagi mendapatkan kelulusan kawasan bebas penyakit (*compartmentalization*) dari DVS bagi menangani isu penyakit HPAI.
7. DVS juga ingin membetulkan penulisan The Star di dalam laporan yang sama, seperti di bawah:

- 7.1 'Shukri also said that Allana, a Mumbai-based Indian meat supplier, is currently the world's largest halal meat exporter and that some approved permit (AP) holders in Malaysia also purchase halal meat from them'.

Untuk makluman, tiada keperluan *Approved Permit* (AP) diperlukan untuk pengimportan daging lembu dan kerbau ke Malaysia bermula 2016.

- 7.2 'The halal meat import permit for livestock is issued by the Veterinary Services Department'.

Untuk makluman, permit import bagi ternakan dan produk haiwan adalah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan dan Pemeriksaan Kuarantin (MAQIS).

- 7.3 'Meanwhile, the Veterinary Services Department said there are import restrictions for turkeys from the United States'.

Untuk makluman, jawapan yang diberi oleh jabatan ini kepada The Star pada 3 Oktober 2024 adalah, 'As of July 20, 2022, temporary import restrictions on poultry and poultry products, including turkey from the United States, have been implemented in response to the outbreak of Highly Pathogenic Avian Influenza (HPAI) affecting commercial poultry in the U.S. These measures remain in place due to the ongoing situation, as reported by the World Organisation for Animal Health (WOAH) through the WAHIS platform'.

Sekatan tersebut bukan hanya untuk ayam belanda, tetapi adalah untuk semua ayam/itik (*poultry*) dan produk ayam/itik serta termasuk ayam belanda.

- 7.4 This is despite the number of countries exporting the meat to Malaysia increasing from three in 2021 (Hong Kong, the United States and Canada) to four in 2023 (Brazil, US, China and Germany).

Untuk makluman, pada 2021, pengimportan ayam belanda (termasuk ayam belanda segar, sejuk dan beku, potongan dan *offal*) ke Malaysia yang diluluskan oleh DVS hanya dari negara Amerika Syarikat.

Pada tahun 2023, DVS telah meluluskan pengimportan ayam belanda (termasuk ayam belanda segar, sejuk dan beku, potongan dan *offal*) dari negara Turkiye dan pengimportan berterusan sehingga kini.

DVS juga ingin menegaskan bahawa, sehingga kini, tiada kelulusan untuk pengimportan ayam belanda (termasuk ayam belanda segar, sejuk dan beku, potongan dan *offal*) dari Hong Kong, Kanada, Brazil, China dan Jerman.

DVS juga ingin memaklumkan bahawa jabatan ini sentiasa komited dalam memastikan bekalan makanan dalam bentuk ternakan sentiasa mencukupi, terjamin kualitinya serta selamat dimakan oleh rakyat negara ini.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
8 OKTOBER 2024**